

## KONTRIBUSI SALMAN AL-FARISI DAN KEBUDAYAAN PERSIA DALAM PEMIKIRAN ISLAM

Oleh: Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali  
Dr. Ahmad Zuhdi bin Ismail

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya Kuala Lumpur

### Abstracts

*This article as the title indicates is to examine the life and background of Salman al-Farisi and his position in Islam and especially in the world of Persian people and nation within the Islamic Framework. The discussion will also be focusing on the nation of Salman al-Farisi and their contribution to the Islam and the world.*

**Key Words:** Kontribusi, Salam Al-Farisi, Kebudayaan dan Islam

### A. Introduksi:

Artikel ini bertujuan membincangkan persoalan dan isu bangsa Salman al-Farisi yang berpaksikan Islam dan kedudukannya dari perspektif Pemikiran Islam dengan perhatian ditumpukan kepada Salman al-Farisi yang berjaya mencapai kecemerlangan, kegembilangan dan keterbilangan dalam sejarah Islam kerana ciri-ciri keunggulan dan keunikannya yang tersendiri. Dalam dunia globalisasi dan tanpa sempadan, kelihatan bangsa Salman al-Farisi memperlihatkan dominasi pemikiran dan penghayatan keislaman yang agak luarbiasa bagi menghadapi cabaran semasa daripada kuasa-kuasa non-muslim. Kajian ini cuba melihat aspek-aspek keunikan bangsa Salman al-Farisi hingga membolehkan bangsa tersebut berada pada kedudukannya hari ini.

### Salman al-Farisi – Latar belakang secara ringkas:

Salman al-Farisi yang terkenal dalam sejarah dan Pemikiran Islam, dilahirkan dengan nama Parsinya, Mahbeh (Mayeh) atau Ruzbeh, merupakan anak seorang *dibqan* dari sebuah perkampungan Parsi dikenali Jaiy @ Jian atau Isfahan lama.<sup>1</sup> Dilahirkan dalam keluarga beranutan Majusi, dan menjadi salah seorang pengikut Majusi [Majus, dalam al-Qur'an]. Beliau bertukar dari pada Majusi kepada Kristian dan menetap di kota yang kini dikenali Isfahan [Ispahan] pada sebahagian besar zaman remajanya.

Bapanya seorang yang berpengaruh dan kaya-raya. Dikatakan kerana kecintaan yang keterlaluan kepadanya telah menyebabkan beliau dikunci dalam rumah kerana kebimbangan tersebut. Beliau ditugaskan berkhidmat kepada agama Majusi dengan menjaga api yang mereka sembah daripada terpadam. Oleh kerana bapanya mempunyai tanah pertanian yang luas, dan sibuk dengan pekerjaannya, Salman ditugaskan mengambilah tugas tersebut. Menerusi tugas ini, beliau berkenalan dengan agama Kristian dan akhirnya menganutinya.<sup>2</sup>

Salman al-Farisi telah melalui proses pencarian akan hakikat kebenaran beberapa kali sebelum akhirnya bertemu dengan Islam dan beriman dengan *Din Nabi Muhammad* (s.a.w). Sepanjang menjadi penganut Kristian, beliau mengembara ke Syria, Mosul, Nasibin dan 'Ammuriyah mengikuti tokoh-tokoh Paderi Kristian yang berada di tempat tersebut. Tokoh paderi Kristian di 'Ammuriyah memberitahunya [sewaktu beliau berusia 12 tahun] supaya mengikuti nabi akhir zaman yang dijanjikan,<sup>3</sup> "yang merupakan pengikut *Din Nabi Ibrahim* (a.s.)."

Dari Syria, beliau terus ke Wadi al-Qura untuk menemui nabi yang dijanjikan. Namun dalam perjalannya itu, beliau telah dikhianati oleh puak Badwi Kalbi yang menjadi penunjuk arahnya dan akhirnya dijual sebagai hamba kepada seorang Yahudi, yang kerap mengunjungi kota Yathrib. Pada ketika beliau sampai ke sana, proses hijrah Nabi Muhammad (s.a.w) bermula. Salman al-Farisi dengan berdasarkan beberapa petunjuk dan tanda yang terdapat pada diri Nabi Muhammad (s.a.w) seperti diceritakan,<sup>4</sup> menganuti Islam dan kemudian dibebaskan hasil usaha Nabi Muhammad (s.a.w) daripada perhambaan.

Salman al-Farisi meninggal dunia pada tahun 33 @ 654 @ 656 dengan usia 88 tahun dalam zaman pemerintahan Khalifah 'Uthman bin 'Affan. Beliau dikatakan meninggalkan tiga orang anak perempuan, seorang di Isbahan dan dua orang lagi di Mesir.<sup>5</sup> Beliau dimaqamkan di Mada'in (dahulunya, Ctesiphon) yang terletak di 'Iraq sekarang. Maqamnya diserang pada Februari 2006.

## **B. Salman al-Farisi dan hubungannya dengan Nabi Muhammad (s.a.w):**

Salman al-Farisi dikatakan cukup mengenali ciri-ciri kenabian Muhammad (s.a.w) menerusi maklumat yang diterima daripada para rahib Kristian yang diikutinya sebelum menganuti Islam. Beliau telah dibebaskan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) daripada perhambaan menerusi penebusan diri daripada seorang Yahudi.

Beliau menjadi salah seorang sahabat besar Nabi Muhammad (s.a.w) yang paling terkemuka,<sup>6</sup> zahid,<sup>7</sup> mempunyai hubungan yang sangat akrab dan kedudukan yang sangat tinggi di sisi baginda (s.a.w),<sup>8</sup> meriwayatkan 60 buah hadith Nabi (s.a.w),<sup>9</sup> pernah disaudarakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) dengan Abu al-Darda' al-Ansari dan dikatakan pernah mendapat peluang melihat dan mencium tanda [*khatm al-nubuwwah*] pada bahagian belakang Nabi Muhammad (s.a.w).<sup>10</sup>

## C. Salman al-Farisi dan hubungannya dengan ‘Ali bin Abi Talib (kw):

Salman al-Farisi mempunyai sahsiah dan peribadi yang cemerlang, gemilang dan terbilang di kalangan sahabat Rasulullah (s.a.w). Beliau berperibadi merendah diri, tegas dan adil; dikatakan tidak mempunyai rumah sendiri sebaliknya beristirehat di bawah pokok; menerusi pemerhatiannya yang tajam terhadap fenomena kehidupan manusia di sekitarnya membolehkan beliau mengeluarkan kenyataan yang mengatakan bahawa “beliau terkejut melihat orang ramai menghabiskan kehidupan mereka untuk keduniaan, tanpa mengingati kematian.

Beliau juga merupakan salah seorang daripada empat sahabat utama ‘Ali bin Abi Talib (kw) yang kemudian dikenali dalam sumber-sumber Islam sebagai *Syiah ’Ali* selain daripada al-Miqdad bin al-Aswad al-Kindi, ‘Ammar bin Yasir dan Abu Dhar al-Ghiffari.<sup>11</sup> Beliau menyokong dan mendokong Ahl al-Bayt sepanjang sejarah hidupnya dari mula hingga akhir hayatnya, menyokong dan sentiasa bersama-sama Nabi (s.a.w) dan Ali bin Abi Talib (k.w) sepanjang kehidupannya sehingga beliau (r.a) meninggal pada zaman Khalifah ‘Uthman bin ’Affan (r.a), menyokong, mempertahankan dan memperkasakan konsep kebenaran, keadilan dan kesaksamaan dalam masyarakat muslim dan serentak dengan itu, menentang dan memerangi sebarang bentuk penindasan, kezaliman dan kemungkaran dalam masyarakat muslim.

Sejarah memperlihatkan bahawa beliau pernah memegang beberapa jawatan pemerintahan di beberapa buah kota semasa era *Khulafa’ al-Rasyidin*, pernah memimpin tentera seramai 30 000 orang semasa menjadi gabenor kota Parsi.

## D. Salman al-Farisi dari segi keunikan

### dan keunggulannya sepanjang sejarah:

Salman al-Farisi menganuti Islam pada tahun 1/623, sewaktu Islam mulai berkembang ke luar Jazirah al-Arab,<sup>12</sup> merupakan mawla Rasulullah (s.a.w) dan terkenal di kalangan sahabat Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai Abu Abdullah.<sup>13</sup> Beliau dikatakan salah seorang yang dikehendaki untuk dicintai oleh Allah (s.w.t) selain daripada ’Ali bin Abi Talib, Abu Dhar al-Ghiffari dan al-Miqdad bin al-Aswad al-Kindi,<sup>14</sup> bahkan merupakan salah seorang yang diinginkan syurga selain daripada Ali, Miqdad dan Ammar.<sup>15</sup> Dikatakan orang pertama menterjemahkan al-Qur'an ke dalam bahasa Parsi dan termasuk salah seorang yang dirujuk dan disebut oleh al-Qur'an sebagai “*illa al-ladhina amanu..[yang beriman @ mu'min]*” dengan keimanan yang sangat kuat.<sup>16</sup>

Salman al-Farisi disebutkan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam beberapa buah hadith sebagai “*Salman minna Ahl al-Bayt.*”<sup>17</sup> Ini disebabkan peristiwa berkaitan dengan Perang al-Khandaq [al-Ahzab] membabitkan Salman al-Farisi yang dianggap

seorang yang kuat telah menjadi rebutan dua puak yang menginginkan beliau menjadi sebahagian daripada golongan mereka, iaitu al-Muhajirin dan al-Ansar, sehingga akhirnya memerlukan Rasulullah (s.a.w) campurtangan dan mengeluarkan hadith tersebut dan menganggapnya sebagai salah seorang *Al al-Bayt* [kaum kerabat Rasulullah (s.a.w)].<sup>18</sup> Ali bin Abi Talib (k.w) sendiri turut mengatakan bahawa “*bina minna Abl al-Bayt*” [dia sebahagian daripada kami *Abl al-Bayt*].<sup>19</sup> Justeru, Salman al-Farisi juga turut dikenali sebagai *Salman al-Muhammadi*.

Salman al-Farisi menjadi sumber kekuatan dan sumber inspirasi golongan muslim mu'min berbangsa Parsi dahulu, kini dan akan datang kerana keilmuan yang tinggi dan mendalam dan juga disebabkan beliau mempunyai kesempatan dan peluang berada bersama-sama dengan Rasulullah (s.a.w) dalam majlis baginda (s.a.w) pada sebelah malam, sehingga dirinya disebut dengan perkataan “*babr al-'ilm*” [lautan ilmu] dan “*makhsus bi al-'ilm al-awwal wa al-akbir*”<sup>20</sup> [teristimewa dengan keilmuan golongan terdahulu dan terkemudian] dan disenaraikan sebagai ‘ulama’ kerana beliau daripada *Abl al-Bayt*.<sup>21</sup> Justeru, Salman berpengaruh besar dalam konteks Pemikiran Islam:

- Dalam konteks mencari kebenaran agama yang hakiki, pada awalnya beragama Majusi, kemudian beragama Kristian dan akhirnya beragama Islam.
- Dari segi keilmuan, mempunyai pengetahuan mendalam tentang agama menerusi proses pengkajian, pendalaman, perbahasan dan penghujahan.
- Dari segi sains, beliau berkepakaran dalam bidang sains dan teknologi khususnya kejuruteraan menerusi ide penggalian parit di sekeliling kota Madinah sebagai suatu strategi peperangan dalam perang al-Khandak [al-Ahzab] yang belum pernah diketahui masyarakat muslim Madinah tetapi mendapat perakuan Rasulullah (s.a.w) yang bersifat bijaksana (*al-fatahab*).
- Dari segi pemikiran dan keintelektualan, bercitra ingin mengetahui hakikat sesuatu kebenaran sehingga sampai ke suatu tahap yang tidak berbelah bahagi, sentiasa berfikiran positif dan berpandangan jauh.
- Dari segi keberanian dan perjuangan, bersemangat tinggi dan berwawasan jauh dalam mempertahankan sesuatu keyakinan sehingga sanggup memperagakan dan mempertaruhkan jiwa, nyawa, harta, keluarga dan segala-galanya.

#### E. Bangsa Salman al-Farisi dari beberapa perspektif:

Artikel ini akan cuba membincangkan kedudukan bangsa Salman al-Farisi secara khusus selepas penguasaan dan penawanannya Islam ke atas Parsi.

## a. Parsi – Latar belakang secara ringkas:

Di kalangan pengkaji nasab (keturunan) yang membincangkan persoalan asal-usul *Faris*, terdapat beberapa pendapat dikemukakan, di antaranya seperti berikut:

1. Mereka berketurunan Jyumart iaitu Adam [جیومرت]. Dalam sumber lain dikatakan **Faris** al-Kubra ibn Kyumart [فارس الکبری ابن کیومرت] yang merujuk kepada Jyumart bin Amim bin Lawadh<sup>22</sup> [جیومرت بن امیم بن لاوڈن]
2. Mereka berketurunan Yafith bin Nuh [یافث بن نوح] atau **Faris** bin Jabir bin Yafith bin Nuh [فارس بن جابر بن یافث بن نوح]<sup>23</sup> Mereka berketurunan Lawi bin Sam bin Nuh [لاوي بن سام بن نوح] atau Lawadh bin Sam bin Nuh [لاوڈن بن سام بن نوح]<sup>24</sup>
3. Mereka berketurunan **Faris** ibn Yasur bin Sam bin Nuh [فارس بن یاسور(ناسور) بن سام بن نوح]
4. Mereka berketurunan Hadram (Ram) bin Arfakhsyd bin Sam bin Nuh [هرام (رام) بن ارفخشد بن سام]
5. Mereka berketurunan Yusuf bin Ya'qub ibn Ishaq bin Ibrahim [یوسف بن یعقوب بن اسحاق بن ابراهیم]

Kelihatan bangsa Parsi [Farsi] berasal daripada keturunan Nabi Nuh (a.s) menerusi anaknya, Sam. Sam merupakan punca silsilah keturunan pelbagai bangsa besar di dunia seperti Arab, Parsi dan bahkan Yahudi.<sup>25</sup> Penamaan bangsa Samit dan yang berkaitan dengannya [seperti Semitik dll] berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan Sam bin Nuh. Analisis ini memperlihatkan Arab, Parsi dan Yahudi berasal daripada asal-usul dan keturunan yang sama.

Dalam konteks perbincangan mengenai keturunan Farsi @ Parsi ini, dikatakan bahawa bangsa Parsi ini merupakan suatu bangsa yang berani. Berikut adalah sejarah ringkas perkembangan bangsa ini secara ringkas:

Mereka dikatakan pada peringkat awal mengikuti agama Nuh (a.s) [برداسف المشرقي] sehingga sampai kepada zaman Burdasif [دين نوح] kemudian mereka menganuti mazhab *al-Hunafa'* [بمذهب الحنفاء] merujuk kepada agama *al-Sabi'ah* [الصلبوون] dikenali sebagai *al-Sabi'un* pada zaman Tamhurath [ضمهورث] @ Tahmuras III selama hampir 1200 tahun, seterusnya mengikuti agama Majusi menerusi usaha, peranan dan kemunculan Zaradusyt<sup>26</sup> [زرادشت] pada zaman Raja Parsi, Bustasif [بستاسف] yang berlangsung selama 30 tahun yang menyeru (mereka) kepada agama Majusi [دين الموسية].

Mereka meninggalkan *Din al-Sabi'ab* [دين الصبية] dan mengikut Zaradusyt yang diakui sebagai nabi yang diutuskan kepada mereka selama hampir 1000 tahun. Mereka berada dalam agama tersebut sehingga sampai ke zaman Khulafa' al-Rasyidin yang ketiga, Sayyidina 'Uthman ibn 'Affan.<sup>27</sup>

**b. Bangsa Salman al-Farisi Dari Perspektif Al-Qur'an:**

Dalam al-Qur'an, persoalan bangsa Salman al-Farisi telah dikemukakan para mufassir khususnya berkaitan dengan surah al-Jumu'ah (62), ayat ke-3:

**وَآخْرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحِقُوا**

“Dan (juga) kepada kaum yang lain daripada mereka yang belum berhubungan dengan mereka. Dan Dia-lah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Dari segi *asbab al-nuzul* (sebab penurunan ayat) dan tafsirannya dikatakan bahawa ia berhubungan dengan suatu peristiwa yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a) dan juga Abu Ja'far (r.a)<sup>28</sup> tentang suatu pertanyaan yang dikemukakan oleh seseorang kepada Nabi Muhammad (s.a.w) mengenai “kaum yang lain” yang dimaksudkan, lalu Nabi (s.a.w) menerangkannya dalam sabda baginda (s.a.w):

وَ جَمَاعَةٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : كُنَا جَلُوسًا عَنْدَ النَّبِيِّ  
(وَآخْرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحِقُوا بِهِمْ) قَاتَلَهُ رَجُلٌ يَارِسٌ  
عَلَى سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ (رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ) وَ قَالَ : ((وَالَّذِي نَهَى  
هُولَاءِ)) فَأَتَهُ صَدَقَةٌ

29

“[Demi Tuhan dengan diriku ini di tangan-Nya] sekiranya *Iman* (*al-Iman*) berada di (bintang) *Tburayya*, kaum lelaki daripada golongan ini tentu dapat mencapainya, maka Nabi (SAW) memperlihatkan bahawa mereka merupakan bangsa Farsi [*Farsi*.”<sup>30</sup>

**c. Bangsa Salman al-Farisi Dari Perspektif Al-Hadith**

**1. Bangsa Salman al-Farisi dan hubungannya dengan *al-Din al-Islami*:**

Nabi Muhammad (s.a.w) dalam beberapa buah hadith menghubungkan persoalan kelebihan bangsa Parsi [باب فضل فارس] dan Salman al-Farisi kepada *al-Din al-Islami* seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللهِ (ص) ((لَوْ كَانَ الدِّينُ عَنْدَ النَّبِيِّ  
فَارِسٌ حَتَّىٰ يَتَنَاهُلَّهُ))<sup>31</sup>

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sekiranya **al-Din** berada di (bintang) *Thurayya*, kaum lelaki daripada golongan ini tentu dapat mencapainya, atau – daripada keturunan Faris sehingga mereka berjaya mencapainya."

## 2. Bangsa Salman al-Farisi dan hubungannya dengan **al-Iman**:

عن أبي هريرة قال: كَانَ جَلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ (ص) إِذْ نَزَّلَتْ عَلَيْهِ سُورَةُ الْجُمُعَةِ وَالْأَخْرَيْنَ مِنْهُمْ لَمْ يَلْحُقُوا بِهِمْ قَالَ قَاتَلَتْ : مَنْ هُمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَلَمْ يَرْجِعْهُ حَتَّى سَأَلَهُ ثَلَاثَةٌ وَفِينَا سَلْمَانُ الْفَارِسِيُّ وَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) يَدَهُ عَلَى سَلْمَانَ ثُمَّ قَالَ ((لَوْ كَانَ الْإِيمَانُ عِنْدَ التَّرِيَّةِ، لَنَّهُ رَجُلٌ أَوْ رَجُلٌ مِنْ هَؤُلَاءِ)) ((النَّالَّهُ رَجُلٌ مِنْ هَؤُلَاءِ)).<sup>32</sup>

عن أبي هريرة قال: كَانَ جَلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ (ص) إِذْ نَزَّلَتْ عَلَيْهِ سُورَةُ الْجُمُعَةِ فَلَمَا قَرَا: وَالْأَخْرَيْنَ مِنْهُمْ لَمْ يَلْحُقُوا بِهِمْ [الْجُمُعَةُ] قَالَ رَجُلٌ: مَنْ هَؤُلَاءِ؟ يَا رَسُولَ اللَّهِ! فَلَمْ يَرْجِعْهُ النَّبِيِّ (ص) حَتَّى سَأَلَهُ مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنَ أَوْ ثَلَاثَةٍ قَالَ وَفِينَا سَلْمَانُ الْفَارِسِيُّ. قَالَ فَوْضَعَ النَّبِيِّ (ص) يَدَهُ عَلَى سَلْمَانَ ثُمَّ قَالَ ((لَوْ كَانَ الْإِيمَانُ عِنْدَ التَّرِيَّةِ، لَنَّهُ رَجُلٌ مِنْ هَؤُلَاءِ)).<sup>33</sup>

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sekiranya **al-Iman** berada di (bintang) *Thurayya*, lelaki atau beberapa orang lelaki daripada golongan mereka tentu dapat mencapainya."

## 3. Bangsa Salman al-Farisi dan hubungannya dengan **al-'Ilm**:

((وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ كَانَ الْعِلْمُ))<sup>34</sup>

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Demi diriku yang berada di tangan-Nya, sekiranya **al-'Ilm** [Ilmu] berada di (bintang) *Thurayya*, lelaki daripada golongan mereka tentu dapat mencapainya."

### a. Bangsa Salman al-Farisi dari konteks keunikan dan kedinamikaan:

Dari segi keunikan dan kedinamikan bangsa atau keturunan Parsi [ابناء فارس] berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad (s.a.w), penelitian dan tumpuan akan diberikan kepada beberapa aspek berikut sebagai landasan untuk memahami kejayaan dan kegemilangan bangsa Salman al-Farisi dalam dunia kini, di antaranya:

- Keislaman:
- Keilmuan:
- Kepimpinan:
- Ketaatan:
- Keberanian:
- Ketamadunan:

## b. Bangsa Salman al-Farisi dan signifikannya kepada Dunia Islam kini: 1). Keislaman:

Bangsa Salman al-Farisi selepas menganut Islam, menghayati dan mengamali Islam dalam kehidupan mereka dengan sepenuhnya. Mereka membentuk jati diri, kekuatan fizikal, mental dan spiritual berasaskan Islam. Mereka tertarik kepada Islam kerana sikap Rasulullah (s.a.w) terhadap Salman al-Farisi itu sendiri, membebaskan Salman al-Farisi daripada perhambean, meletakkan bangsa Salman al-Farisi [yang merupakan salah satu bangsa Ajam (bukan Arab)] setaraf dengan bangsa-bangsa lain khususnya bangsa Arab yang begitu fanatik kepada bangsa mereka pada zaman itu.

Bangsa Salman al-Farisi gemar bertanya dan mempersoalkan sesuatu, yang apabila diyakini sesuatu kebenaran agama itu, mereka akan menerimanya dengan sukarela dan bukan secara paksaan walaupun mereka pada asalnya mengikuti agama Zoroaster [Majusil].

Bangsa Salman al-Farisi datang ke Madinah, memeluk Islam sama ada pada zaman Nabi Muhammad (s.a.w) mahupun selepasnya dengan penuh ketiautan kepada Nabi Muhammad (s.a.w). Mereka tertarik kepada Islam juga disebabkan sikap dan sifat Ali bin Abi Talib (k.w):

- Bangsa yang sejak dari zaman Nabi Muhammad (s.a.w) lagi telah memilih untuk mengikuti Ali bin Abi Talib dengan penuh keyakinan menerusi kebenaran Ali bin Abi Talib (k.w) berdasarkan perintah dan sikap Nabi Muhammad (s.a.w) sendiri terhadap Ali bin Abi Talib (k.w).
- Bangsa yang mengikuti Salman al-Farisi, yang menjelaki setiap langkah Ali bin Abi Talib dan tidak pernah bertukar arah sepanjang hayatnya.
- Bangsa yang mendokong kekuatan hujah yang mantap dan keyakinan yang tinggi bahawa Ali bin Abi Talib (k.w) merupakan tokoh yang paling layak untuk diikuti dan diitaati [selepas Nabi Muhammad (s.a.w)].
- Bangsa yang takjub dengan layanan yang ditunjukkan Ali bin Abi Talib (k.w) kepada kedua-dua orang puteri Kerajaan Parsi semasa mereka menjadi tawanan perang, dan selepas memperolehi segala

jawapannya, mereka memenuhi hati mereka dengan kecintaan dan penghormatan terhadap Ali bin Abi Talib (k.w) dan kaum kerabatnya.

- Sejarah memperlihatkan bahawa ketika para tawanan Mada'in (Tisfun) dibawa ke Madinah, Khalifah kedua, 'Umar ibn al-Khattab memerintahkan semua tawanan wanita [termasuk dua orang puteri Maharaja Parsi, Yazdjad] dijadikan hamba kaum muslim. Bagaimanapun, Ali bin Abi Talib (k.w) tidak membentarkannya dan meminta kedua-dua orang puteri [Maharaja Parsi] itu dikecualikan dan dimuliakan. Kedua-duanya merupakan puteri Maharaja Yazdjad Iran, dan tidak boleh dijadikan hamba. Khalifah bertanya langkah yang perlu diambil, Ali bin Abi Talib (k.w) mencadangkan setiap seorang puteri itu dibenarkan secara bebas memilih calon suami dari kalangan kaum muslim. Justeru, mereka membuat pilihan sendiri. Shahr Zanan memilih Muhammad bin Abu Bakr (r.a) sementara Shahr Banu memilih Husayn bin Ali (r.a), cucu Nabi Muhammad (s.a.w). Shahr Zanan, isteri Muhammad bin Abu Bakr (r.a) telah melahirkan anak lelaki, Qasim al-Faqih, yang merupakan bapa kepada Umm Farwah yang menjadi ibu kepada Imam Ja'far bin Muhammad al-Sadiq (r.a) [Imam ke-6 dalam madhhhab Imamiyyah Ithna-Asyariah][Guru kepada empat orang tokoh pengasas mazhab fiqh terkenal, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah iaitu Abu Hanifah al-Nu'man, Malik bin Anas, Muhammad bin Idris al-Syafi'i dan Ahmad ibn Hanbal]. Shahr Banu pula melahirkan Imam Ali bin al-Husayn Zayn al-Abidin.

## 2). Keilmuan:

Bangsa Salman al-Farisi mempunyai para ulama yang ramai<sup>35</sup> dan penguasaan keilmuan dalam pelbagai bidang. Penglibatan dalam semua aspek keilmuan berkaitan keagamaan, termasuk bidang Falsafah, Irfan, Sains, Teknologi dan lain-lain, dengan semua cabang ilmu itu berteraskan Islam dan tidak pernah dilihat terasing daripada Islam dalam versi tersebut.<sup>36</sup> Bangsa yang bersikap terbuka terhadap sains dan teknologi [Barat mahupun Timur] dengan menganggapnya sebagai *universal truth* yang dijadikan asas dalam pembentukan bangsa tersebut.<sup>37</sup>

Kesannya, bangsa Salman al-Farisi dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan mempunyai keupayaan dan kebolehan menguasai teknologi nuklear yang merupakan suatu “*advantage*” khususnya di

kalangan negara muslim selain Pakistan terhadap ancaman dan gugatan kuasa non-muslim [Barat mahupun Timur]. Mereka telah pun membuktikan keupayaan dan kebolehan mereka menguasainya dan memperlihatkan sikap tidak bersedia menbenarkan hak dan kejayaan itu dirampas oleh non-muslim [Barat mahupun Timur] yang ingin membeku, merampas dan menghapuskannya.

### 3). Kepimpinan:

Kepimpinan para ulama tradisional dalam dunia moden dari semua aspek kehidupan. Ketundukan dan kepatuhan kepada suatu sistem kepimpinan berdasarkan “*top – down*” dan bukannya berdasarkan “*bottom - up*.<sup>38</sup>”

Justeru, kelihatan dalam konteks revolusi Iran 1979, gerakan dimulakan dari atas mengarah ke bawah dan menggerakkannya sehingga mereka mencapai apa yang mereka cita-citakan hari ini. Ia sama seperti yang dicadangkan oleh salah seorang pemikir muslim terbesar pada abad mutakhir, Sayyid Jamal al-Din al-Afghani. Revolusi ini dikatakan bersifat ketuhanan dan bermatlamat membawa kebahagiaan kepada seluruh umat manusia<sup>38</sup> dan secara khusus muslim seluruh dunia Islam. Dengan kata-kata lain, revolusi Iran dianggap Revolusi Islam kerana ia berdasarkan pemikiran dan semangat Islam.

Tradisi kepimpinan yang kuat membolehkan mereka berpengaruh dalam kepimpinan dunia Islam dan kaum muslimin sejagat dalam OIC dan badan-badan dunia berkaitan dunia Islam.

### 4). Ketaatan:

Sistem ketaatan yang unik dalam Islam, lanjutan daripada sistem ketaatan kepada *al-Imamah* dan *al-Khilafah* dalam tradisi kepimpinan dan hierarki keilmuan mereka, diturunkan kepada konsep dan sistem ketaatan kepada konsep *Marja' al-Taqlid* dan *Wilayah al-Faqih* dan seumpamanya. *Wali al-Faqih* merujuk kepada autoriti perundangan tertinggi, manakala *Wilayah al-Faqih* berperanan sebagai institusi yang merentasi ketiga-tiga kuasa tertinggi dalam negara atau kerajaan.<sup>39</sup> Ia merupakan autoriti spiritual [sebelum kemunculan Imam yang tersembunyi yang akan muncul pada akhir zaman bagi membawa keadilan kepada dunia].<sup>40</sup>

Kewujudan majlis ulama tertinggi sebagai badan tertinggi untuk menangani isu-isu peringkat tertinggi melibatkan polisi negara dan survivalnya. Dalam kepimpinan di peringkat kementerian, budaya “*check and balance*” dilaksanakan dengan seorang alim besar ditempatkan untuk memantau dan memastikan halatuju yang betul diikuti.<sup>41</sup>

Para ulama akur dan patuh kepada kepimpinan ulama tertinggi. Bangsa Salman al-Farisi merupakan warga dan rakyat yang akur, taat dan patuh kepada para ulama. Sebarang keputusan yang diputuskan diterima tanpa berbelah bahagi dan mereka komited dengan keputusan yang dibuat. Kelihatan konsep ulama seperti disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith, iaitu *انما يخشى الله عباده العلماء* dan *العلماء ورثة الانبياء* dipraktikkan dan diimplementasikan dalam realiti.

#### 4). Keberanian:

Keberanian mempertahankan kebenaran seperti Salman al-Farisi dengan penuh keyakinan dan ketataan, mempertahankan kebenaran dengan segala keberaniannya dan sejarah membuktikan bahawa beliau tetap bersama-sama al-Qur'an dan kebenaran sepanjang hidupnya. Bangsa Salman al-Farisi hari ini memiliki sifat dan sikap tidak bertolak ansur dalam urusan membabitkan kebenaran dan kebatilan dan juga dalam isu-isu sensitif yang melibatkan kepentingan Islam. Bangsa yang berusaha untuk “liberate” rakan-rakan non-muslim mereka dalam masyarakat Barat daripada kesalahfahaman dan propaganda palsu terhadap Islam sebagai agama dan sistem kehidupan:

- Pada zaman Nabi (s.a.w), beberapa pucuk surat diutuskan kepada tokoh berikut untuk memperkenalkan dan mengajak mereka kepada Islam seperti kepada Maharaja Rom, Parsi dan Habsyah.
- Pada zaman moden pula, beberapa contoh seumpama itu diikuti dan ditunjukkan oleh bangsa Salman al-Farisi di antaranya:
- Surat Imam Khomeini kepada Presiden Russia, Mikhail Gorbachev mengajaknya mengenali Islam,
- Surat Presiden Iran, Ahmadinejad kepada Presiden Amerika Syarikat, George Bush dengan tujuan yang sama.
- Sepucuk surat oleh Shaykh Mohammad Hossein Kashef al-Gheta kepada rakannya berbangsa Amerika, Garland Evans Hopkins [Vice-President of the Friends of the Middle East] di Timur Tengah [sekitar tahun 1954].<sup>42</sup>

Bangsa Salman dengan keberanian mengajak negara-negara muslim kembali kepada Islam dan memperingatkan mereka tentang musuh-musuh Islam. Contoh: Sepucuk surat kepada Mohammad Ali, Perdana Menteri Pakistan bertarikh 20 Rajab 1373 mengandungi nasihat dan peringatan kepada Pakistan sebagai sebuah bangsa yang dibentuk atas nama Islam dan berada dalam naungan Islam serta kedudukan Amerika Syarikat sebagai musuh Allah dan musuh Nabi (s.a.w)<sup>43</sup>.

Kashef al-Ghita menjelaskan perselisihan yang berlaku di kalangan muslim, yang dianggap olehnya sebagai kejahilan. Katanya: "Kita muslim sentiasa berangan-angan. Kita mempunyai kata-kata yang bijaksana tetapi tanpa tindakan. Kita menyelesaikan persoalan kulit tetapi bukan persoalan isi. Kita memberikan perhatian yang keterlaluan kepada perkara cabang [*furu'*] tetapi bukan kepada asas [*usul*]. Kita berlawanan dengan keturunan kita. Mereka merupakan manusia yang bertindak dan dikurniai ketekunan dan kegembiraan. Mereka lebih sensitif terhadap kebenaran dalam perbuatan mereka berbanding dalam perkataan mereka. Mereka tegas dalam memenuhi matlamat mereka tanpa bersusah payah. Menerusi penerimaan sifat baik dan murni keturunan kita itulah orang lain telah mendahului kita. Pada masa lepas, kita mendahului mereka, kini mereka mendahului kita pula."<sup>44</sup>

Bangsa yang berusaha untuk berdikari dan tidak mahu bergantung kepada orang atau bangsa lain seperti kata-kata oleh Kashef al-Ghita sendiri: "*Today, all moslems, even the deaf and the dumb, are aware that in every segment and in every corner of the Islamic lands exist serpents of deception with their mouths wide open in order to swallow the earth and everything on it. Is this situation itself not a good cause for muslim unity? Is it not enough to inflame their pride and courage and determine them to achieve their will? Is the intensity of their pain and hardship not enough to motivate them to unite and wipe out their vendettas?*"<sup>45</sup>

Berhubung dengan isu tenaga nuklear, Ayatollah Khamenei menjelaskan alasan pihak musuh khususnya musuh Islam untuk menghalanginya adalah kerana "*the gist of what enemies say is that the Iranian nation should not have nuclear technology, since it will become strong, and they will no longer be able to bully and intimidate it.*" Seterusnya dikatakan: "*If today the Iranian nation does not possess and benefit from nuclear technology, it will lag behind for several decades and in a not too far future, it will have to beg for fuel from the aliens and enemies, who will humiliate and trample on the honor and dignity of our nation if they fulfill just a small part of its requirements.*"<sup>46</sup>

## 5). Ketamadunan:

Perbincangan mengenai tamadun dan ketamadun bangsa Salman al-Farisi akan memerlukan suatu perbincangan yang berasingan kerana mereka merupakan bangsa yang mengalami proses kebangkitan dan kejatuhan pelbagai tamadun sepanjang zaman sehingga ke hari ini. Tamadun dan ketamadun bangsa ini membolehkan mereka mempunyai pendedahan, pengalaman dan pengaruh yang cukup besar dari segi kesan dan impaknya. Perbandingan yang lebih jelas akan dapat dilihat sekiranya proses perbandingan individu dan bangsa yang bertamadun dan individu dan bangsa yang tidak bertamadun dilakukan. Bangsa yang mengalami pertumbungan budaya dan intelektual mempunyai corak dan bentuk pemikiran yang jauh lebih terbuka, dinamik, progresif dan pro-aktif, manakala perkara yang sebaliknya pula berlaku kepada bangsa yang tidak atau kurang bertamadun.

Dalam hal ini, bangsa Salman al-Farisi yang mempunyai sejarah dan tamadun yang besar telah memperlihatkan kekuatan, kewibawaan dan keunggulan dalam dunia ini. Mereka berjaya mengekalkan tamadun dan ketamadunan mereka dan bahkan memperkasakannya sehingga kini membolehkan mereka dikenali sebagai salah sebuah bangsa yang dominan dan terkehadapan dalam dunia Islam, dan dunia bukan Islam sendiri.

## F. Kesimpulan.

Presiden Republik Islam Iran, Mahmud Ahmadinejad menyatakan bahawa bangsa Iran merupakan bangsa yang suka berdamai dan bersahabat [*a nation of “peace and friendship”*] yang selalu mendokong keamanan, ketenteraman dan keselamatan kepada semua bangsa di dunia. Dikatakan bahawa untuk menjadi model dan contoh bangsa dan masyarakat, bangsa Iran hendaklah mengamalkan disiplin, kesatuan, kesetiakawan, bersatu, bekerjasama dan bekerja kuat dengan penuh kebijaksanaan dan keberanian. Dengan demikian, tiada suatu kuasa akan mampu menghalang laluan ketawhidan bangsa Iran. Hal yang sama telah ditegaskan oleh pemimpin tertinggi Kerajaan Republik Islam Iran, Ayatollah Seyyed Ali Khamenei yang menyatakan bahawa “*no nation will achieve progress without striving, perseverance, innovation and initiative.*”<sup>447</sup>

**Catatan kaki:**

<sup>1</sup>. Abu Nu‘aim al-Asbahani, al-Hafiz Abi Nu‘aim Ahmad bin ‘Abdullah (336-430/948-1039), *Hilyah al-Awliya’ wa Tabaqat al-Asyifa’*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, Cet. II, 1387/1967, I, h.185-208; Hasan Ibrahim Hasan, Dr., [1400/1980] *Zu‘ama’ al-Islam*, al-Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h.93; al-Kandahlawy, Muhammad Yusof [t.t], *Hayat al-Sababah*, Halab: Dar al-Wa‘y, Cet. Baru, II, h.181; *Shorter Encyclopaedia of Islam*, h.500.

<sup>2</sup> <http://www.binoria.org/ArticleArchives/Personality/p001.asp> [4/19/2006]

<sup>3</sup>. Lihat: Isaiah 21: 13-14; Lihat sama: Ibn Ishaq, Muhammad (m.151/768), *Sirah*, Khidmat al-Khayriyyah Idarat al-Nasyr wa al-Tawzi’; Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Zu‘ama’ al-Islam*, h.94.

<sup>4</sup>. Lihat: Isaiah 42; Lihat: Ibn Hisham, ‘Abd al-Malik (m.219/834) [1981], *Sirah al-Nabi*, I, Beirut: Dar al-Fikr, h.228-234; al-Dhahabi, *Siyar A‘lam al-Nubala’*, I, h.508.

<sup>5</sup>. Ibn al-Athir, ’Izz al-Din bin al-Athir Abi al-Hasan ’Ali bin Muhammad al-Juzari (m.630/1233) [t.t], *Usd al-Ghabah Fi Ma‘rifat al-Sababah*, Dar al-Sya‘b, II, h.421; Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Zu‘ama’ al-Islam*, h.99.

<sup>6</sup>. *Shorter Encyclopaedia of Islam*, h.500

<sup>7</sup>. Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, II, h.420.

<sup>8</sup>. Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *op.cit*, h.98

<sup>9</sup>. Contoh hadith riwayat Salman al-Farisi, lihat: al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Uthman (m.748/1374), *Siyar A‘lam al-Nubala’*, Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, I, h.505; Husayn al-Syakiri [1412/1992], *Ali fi al-Kitab wa al-Sunnah*, Qum: Muassasah Ansariyan, I, h.302-303; 358-359; 379.

<sup>10</sup>. Ibn Hisham, *Sirah*, I, h.228-234; Abu Nu‘aim al-Asbahani, *Hilyah al-Awliya’*, I, h.192; al-Dhahabi, *Siyar A‘lam al-Nubala’*, I, h.524.

<sup>11</sup>. Lihat: Al-Haythami, *Majma’ al-Zawa‘id*, IX, h.131; Ibn Hajar al-Haythami, Ahmad bin Hajar al-Haythami al-Makki (m.974/1566), *al-Sawa‘iq al-Mubriqah fi al-Radd ‘ala Abl al-Bid’ wa al-Zindiqah*, Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah, Beirut, Cet.I, 1403/1983, h.96; Abu Nu‘aim al-Isbahani, *Hilyah al-Awliya’*, I, h.190.

<sup>12</sup>. Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Zu‘ama’ al-Islam*, h.97

<sup>13</sup>. Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, II, h.417.

<sup>14</sup>. ihat: Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (164-241/781-856), *al-Musnad*, Dar al-Ma‘arif, Misr, Cet.IV, 1373/1954, V, h.351; al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Sarwah (m.279/892), *Sabih*, Matba‘ah Mustafa al-Bab al-Halabi, Misr, Cet.II, 1395/1975, II, h.299; al-Hakim, Abi ‘Abd-Allah Muhammad bin ‘Abd-Allah al-Hakim al-Naysaburi (m.321-405/933-1014), *al-Mustadrak ‘ala al-Sabihain fi al-Hadith*, Dar al-Fikr, Beirut, 1398/1978, III, h.130; al-Fayruzabadi, *Fada’il al-Khamsah min al-Sibbah al-Sittah*, II, h.200-202; Abu Nu‘aim al-Isfahani, *Hilyah al-Awliya’*, I, h.172, 190; al-Haythami, *Majma’ al-Zawa‘id*, IX, h.155; Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Ahmad (m.852/1448), *Tabdhib al-Tabdhib*, Hyderabad, 1326/1908, X, h.282; Ibn ‘Abd al-Barr, Yusuf bin ‘Abd-Allah al-Namiri al-Qurtubi (368-463/979-1071), *al-Isti‘ab Fi Ma‘rifat al-Asbab*, Matba‘ah Da‘irah al-Ma‘arif al-Nizamiyyah, Hyderabad, Deccan, Cet.II, 1336/1917, I, h.280; II, h.557; Ibn Hajar al-Haythami al-Makki, *al-Sawa‘iq al-Mubriqah*, [Hadith no.5 - riwayat al-Tirmidhi dan al-Hakim, menerusi al-Buraydah daripada Nabi Muhammad (s.a.w)]

<sup>15</sup>. Ibn Hajar al-Haythami al-Makki, *ibid*, [Hadith no.39 – riwayat daripada al-Tirmidhi dan al-Hakim menerusi Anas bin Malik daripada Nabi Muhammad (s.a.w)]; al-Haythami, *Majma’ al-Zawa‘id*, IX, h.117; Abu Nu‘aim al-Isbahani, *Hilyah al-Awliya’*, I, h.190.

<sup>16</sup>. Lihat *asbab al-Nuzul* kepada Surah al-‘Asr. [Lihat: Syihab al-Din Ahmad al-Syirazi al-Hasani al-Syafi‘i, *Tawdih al-Dala’il*, h.171; al-Hilli, al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar (m.726/1326), *Dala’il al-Sidq*, II, h.267; Husayn al-Syakiri, *Ali fi al-Kitab wa al-Sunnah*, h.358-359.]

<sup>17</sup>. Al-Haythami, *Majma’ al-Zawa‘id*, IX, h.117 [Riwayat al-Bazzar], h.155; al-Muttaqi al-Hindi, ‘Ali bin

Husam al-Din (m.975/1567), *Kanz al-'Ummal Fi Sunan al-Aqwal wa al-'Af'al*, Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah, Hyderabad, Deccan, Cet.II, 1374/1954, VI, h.428; al-Fayruzabadi, *Fada'il al-Khamisah*, II, h.200-202; al-Waqidi, Muhammad ibn 'Umar, (m.129/747 @ 208/823)[1966], *Maghazi*, Oxford University Press, II, h.446; Ibn Hisyam, *Sirah*, II, h.224;

<sup>18</sup> Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, II, h.421; al-Dhahabi, *Siyar Alam al-Nubala'*, I, h.539; Hasan Ibrahim Hasan, Dr., *Zu'ama' al-Islam*, h.97 dan 98.

<sup>19</sup> Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, II, h.420.

<sup>20</sup> Lihat: 'Ali Sa'adat Tharwar (1213/1798), *Sirr al-Isra' fi Syarb Hadith al-Mi'raj*, III, Qum, h.120; al-Majlisi, Muhammad Baqir (m.1111/1691), *Bibar al-Anwar al-Jami'ah li Durar Akbar al-A'immah al-Athar*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Mu'assasah al-Tarikh al-'Arabi, Beirut, 1412 / 1992, XXII, h.347.

<sup>21</sup> Al-Kulayni, Abi Ja'far Muhammad ibn Ya'qub bin Ishaq al-Kulayni al-Razi (m.328-9 / 940), *Usul al-Kafi*, Dar al-Adwa', Beirut, 1413/1992, II, h.336.

<sup>22</sup> Lihat: Al-'Aini, Badr al-Din Abi Mu'mmad Mahmud bin Ahmad (m.855/1451), [t.t], *'Umdat al-Qari Syarb Sabih al-Bukhari*, XIX, Dar al-Fikr, h.235.

<sup>23</sup> Al-'Aini, *ibid*, XIX, h.235

<sup>24</sup> Al-'Aini, *ibid*, XIX, h.235.

<sup>25</sup> Kaum Yahudi beranggapan bahawa hanya kaum dan bangsa mereka sahaja berketurunan Sam bin Nuh, sehingga sebarang bentuk tentangan dan serangan terhadap kaum Yahudi dianggap sebagai "anti-Semitic," sedangkan dari segi realitinya, bangsa tersebut merupakan salah satu bangsa Semitik [dinisbahkan kepada Sam bin Nuh] dan bukanlah satu-satunya bangsa daripada rumpun Semitik.

<sup>26</sup> *Ibid*, h.454.; Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, VIII, h.454.

<sup>27</sup> Al-'Aini, *'Umdat al-Qari*, XIX, h.236.

<sup>28</sup> Al-Tabarsi, Abu 'Ali al-Fadil bin al-Hasan (m.548/1128) [t.t], *Majma' al-Bayan*, IX, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h.284.

<sup>29</sup> Al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud bin 'Abd-Allah (m.1270/1854), [t.t], *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Masani*, XXVIII, Beirut: Dar al-Fikr, h.94; al-Tabataba'i, al-Sayyid Muhammad Husayn (m.1321/1903) (t.t), *al-Mizan*, XIX, 1394/1974, Cet.II, h.268-269.

<sup>30</sup> Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (m.310/923), (t.t), *Jami' al-Bayan*, XXVI, h.96; al-Zamakhsyari, Jar Allah Abu al-Qasim Mahmud bin 'Umar (m.538/1144) (t.t), *al-Kasyaf*, IV, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, Cet. Akhir, 1392/1972, h.102; al-Khazin, 'Ala' al-Din 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim (m.725/1341) [t.t], *Lubab al-Ta'wil*, IV, Mesir: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, h.284.

<sup>31</sup> Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin Hajjaj (m.261/875) (t.t), *Sahih*, IV, [Tahqiq: 'Abd al-Baqi], Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, h.1972.

<sup>32</sup> Al-Bukhari, Abu 'Abd-Allah Muhammad bin Isma'il (m.256/870), *Matn al-Bukhari: Bi-Hasyiyah al-Sanadi*, III, Singapurah-Jeddah: al-Haramayn, h.201.

<sup>33</sup> Muslim, (t.t), *ibid*, IV, h.1973; al-Bukhari, *ibid*, III, h.201-202; al-'Aini, *'Umdat al-Qari*, XIX, h.235, 391; Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, VIII, h.453-454; al-Khazin, *Lubab al-Ta'wil*, IV, h.284.

<sup>34</sup> Al-Tabataba'i, (t.t), *al-Mizan*, XIX, 1394/1974, Cet.II, h.268-269; Lihat sama: Ibn Hanbal, *al-Musnad*, XV, h.96 [Hadith no.7937 – dinyatakan juga bahawa hadith seumpama ini turut dikemukakan oleh al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi dan al-Nasa'i]

<sup>35</sup> Al-'Aini, *'Umdat al-Qari*, XIX, h.235.

<sup>36</sup> Ali al-Hashimi, Dr., (1987/1407), *Friday Prayer Lectures on Selected Islamic Subjects*, Sepehr: IPO [268], h.43.

<sup>37</sup> Seyyed Vali Reza Nasr (1993), "Religious Modernism in the Arab World, Indian and Iran: The Perils and Prospects of Discourse," *The Muslim World*, V.83, h.35.

<sup>38</sup> R.K.Ramazani (1990), "Iran's Export of the Revolution: Politics, Ends and Means," dlm. John L.

Esposito (ed.), *The Iranian Revolution, Its Global Impact*, Miami: Florida International University Press, h.48.

<sup>39</sup>. The Islamic Consultative Assembly of the Islamic Republic of Iran, 1984/1404, Sepehr, IPO, h.14.

<sup>40</sup>. R.K.Ramazani, *ibid*, h.48.

<sup>41</sup>. The Islamic Consultative Assembly, h.18-19.

<sup>42</sup> Kashef al-Gheta (1987/1407), *Islamic Anti-Imperialism*, Sepehr: IPO [273], h.7-37. [Bahkan banyak lagi perutusan seumpama itu telah dilakukan oleh barisan kepimpinan bangsa Salman al-Farisi.]

<sup>43</sup>. Ibid h. 38

<sup>44</sup>. Ibid h. 40

<sup>45</sup>. Ibid h. 41

<sup>46</sup>. <http://www.khamenei.ir/EN/News/detail.jsp?id=20060321B> [23 June 2006]

<sup>47</sup>. <http://www.khamenei.ir/EN/News/detail.jsp?id=20050628A>. [23 Jun 2006]

## BIODATA PENULIS

### **Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali,**

Lahir di Terengganu, Malaysia 28 Agustus 1963, sekarang bertugas sebagai dosen di Jurusan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademik pengajian Islam, Universitas Malaya. Menyelesaikan Program S1, S2 dan S3 di Universitas Malaya. Pernah menjabat sebagai ketua jurusan Aqidah dan Pemikiran Islam (2004-2006) dan Timbalan Pengarah Penyelidikan dan pengembangan , akademik Pengajian Islam, University of Malaya. Kuala Lumpur .( 2006-2007. **Ahmad Zuhdi bin Ismail**, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur